

Soalan Lazim MILO e-ACTIV JAM SENAM AEROBIK

Mengapakah kita mewujudkan e-Activ Jam Senam Aerobik dan bukannya Activ Jam Senam Aerobik?

Disebabkan keadaan semasa, rakyat lebih digalakkan untuk tinggal di rumah, kami telah menjadikan kempen ini secara dalam talian sepenuhnya.

Adakah terdapat perbezaan besar antara senam aerobik secara fizikal dan dalam talian?

Tidak akan ada Grand Finale untuk senam aerobik dalam talian, namun masih ada finalis untuk peringkat kebangsaan dan mereka akan bersaing secara dalam talian melalui penyerahan video.

Mengapakah ada kategori individu dan keluarga?

Kami berusaha untuk mendorong lebih ramai peserta. Oleh itu, individu yang tidak dapat menyertai bersama-sama ahli keluarga mereka masih boleh menyertai secara berseorangan.

Bagaimanakah jika anak-anak saya tidak pandai bersenam aerobik?

Tujuan pertandingan ini adalah untuk mendorong gaya hidup aktif dan menjadikan semua orang terus aktif, jadi tidak perlu risau.

Bolehkah anak saya menyertai kedua-dua kategori ini?

Tidak. Peserta hanya dibenarkan mendaftar untuk satu kategori sahaja.

Bolehkah anak saya menyertainya jika dia berada di Tahap 1?

Tidak. Pertandingan ini hanya dibuka untuk murid sekolah Tahap 2 iaitu murid tahun 4, 5 dan 6.

Bagaimanakah jika saya tidak mahir dalam videografi atau tidak mempunyai kamera yang berkualiti?

Video tidak akan dinilai berdasarkan kualiti video, tetapi kreativiti. Jadi, sesiapa sahaja dialu-alukan untuk menyertainya.

Bolehkah saya tidak memasukkan muzik MILO, kerana saya tidak pandai mengedit muzik?

Anda mesti memasukkan muzik MILO sebagai sebahagian daripada runut bunyi, ia bergantung kepada kreativiti anda untuk menyatukan muzik.

Bolehkah anak saya menyertai kategori Muhibbah?

Kategori ini disediakan khas untuk pasukan yang akan dipilih oleh JPN, dan setiap negeri hanya dibenarkan menghantar satu pasukan sahaja.

Sekiranya anak saya atau saya memenangi pertandingan ini, bagaimanakah saya boleh menerima hadiah?

Ia akan dihantar terus berdasarkan maklumat yang diberikan semasa pendaftaran.

Berapakah jumlah maksimum peserta untuk kategori keluarga?

Hanya 3 peserta yang merangkumi murid + 2 ahli keluarga.

Apakah had umur bagi ahli keluarga?

Tidak ada had umur untuk ahli keluarga selagi murid itu dari Tahun 4 hingga 6.

Bagaimanakah saya boleh mengambil bahagian?

Maklumat peraduan boleh didapati di <https://www.milo.com.my/bm/jom-aktif/e-activ-jam-senam-aerobik>

Di manakah hadiah akan diumumkan?

Pemenang peringkat negeri dan kebangsaan akan diumumkan di laman web dan media sosial MILO®.

Bilakah nama pemenang akan diumumkan?

Pemenang peringkat negeri akan diumumkan pada akhir bulan Ogos 2021 dan pemenang peringkat Kebangsaan akan diumumkan pada awal bulan Oktober 2021.